

SIARAN MEDIA

10 JANUARI 2017

## **Kaedah-Kaedah Keselamatan Semasa dan Selepas Banjir**

**Putrajaya, 10 Januari** – Berikutan banjir yang telah melanda Kelantan, Terengganu dan Sabah baru-baru ini, Suruhanjaya Tenaga ingin mengingatkan orang ramai agar mengambil langkah-langkah keselamatan walaupun banjir mulai surut, kerana air merupakan pengalir elektrik.

Bagi mengelakkan kemalangan elektrik ketika banjir, pengguna diingatkan agar:

### Dalam Rumah

- Jangan petik suis dengan tangan yang basah.
- Jangan hidupkan peralatan elektrik sekiranya palam atau soket berada dalam keadaan basah.
- Jangan petik suis semasa berdiri dalam air atau dalam keadaan kaki tidak berkasut/berlapis getah.
- Jangan guna peralatan elektrik yang telah dimasuki air banjir sebelum ini sebelum diperiksa oleh juruelektrik bertauliah.
- Jika air banjir memasuki rumah anda, jangan masuk ke dalam bilik yang terdapat peralatan elektrik yang belum dicabut dari soket atau suisnya masih berada dalam posisi. Elakkan juga menghampiri bilik di mana terdapat percikan api keluar dari mana-mana peralatan/pendawaian.
- Anda juga haruslah sentiasa menguji Peranti Arus Baki di rumah anda dengan menekan punat T. Sekiranya Peranti Arus Baki tidak berfungsi, dapatkan khidmat kontraktor elektrik yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga untuk membaikinya.

### Di Luar Rumah

- Jangan menghampiri kawasan seperti pencawang elektrik atau bilik suis elektrik yang ditenggelami air.

- Jangan menghampiri, mengalih atau membaiki tiang elektrik yang tumbang atau talian elektrik yang putus atau yang jatuh di atas tanah.
- Elakkan menguji sama ada talian elektrik yang putus itu masih hidup atau tidak.
- Elakkan memijak atau memandu kenderaan di atas lopak air berhampiran dengan talian elektrik yang putus atau jatuh.
- Anggap semua peralatan elektrik masih hidup dan merbahaya.

Antara kaedah keselamatan elektrik semasa banjir surut:

- Rujuk pihak utiliti untuk mengetahui status penyambungan bekalan elektrik.
- Sekiranya bekalan masih belum disambung, pastikan suis utama di papan agihan ditutup sebelum membersihkan peralatan elektrik atau pendawaian rumah, untuk mengelakkan renjatan apabila pihak utiliti menyambung semula bekalan.
- Pastikan peralatan elektrik dikeringkan terlebih dahulu atau diperiksa, dibaiki atau diuji keselamatannya oleh juruelektrik bertauliah.
- Sekiranya meragui keselamatan peralatan tersebut, hantar untuk pemeriksaan oleh juruelektrik bertauliah.
- Sebelum menghidupkan semula suis utama pada papan agihan, pastikan pendawaian dan pbumian rumah diperiksa, dibaiki dan diuji oleh kontraktor elektrik dan disahkan selamat oleh pendawai elektrik yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga.

**\*\*\*Tamat\*\*\***

*Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:*

*Siti Suhaila Ahmad/Zairulliati Mali*

*Unit Promosi & Komunikasi*

*Tel: +603 8870 8500 / +603 8870 8554 / +603 8870 8598 Faks: +603 8888 8636*

*Emel: [sitisuhaila@st.gov.my](mailto:sitisuhaila@st.gov.my)/[zairulliati@st.gov.my](mailto:zairulliati@st.gov.my)*

---

#### **MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Tenaga 2001 pada 1 Mei 2001 dan beroperasi sepenuhnya pada 2 Januari 2002. Suruhanjaya Tenaga bertanggungjawab untuk mengawal selia aktiviti pembekalan tenaga, menguatkuasa undang-undang pembekalan tenaga dan menggalakkan pembangunan industri tenaga.